



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 61
No. 19

11hb September 2008

TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 10.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Hulu Terengganu membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

Permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 2007**.

(2) Undang-Undang kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Hulu Terengganu.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“makanan” termasuklah tiap-tiap benda yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau adalah digunakan di dalam persebatian atau persediaan apa-apa benda yang sedemikian dan

termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk:

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) makanan ternakan atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan.

“penjualan” atau “jual” termasuklah barter dan pertukaran, dan juga termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, atau didedahkan bagi jualan, atau menerima atau menghantar atau penyerahan bagi jualan, atau membekal apa-apa makanan yang balasan akan diterima oleh pembekal bagi pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan, atau ada dalam miliknya untuk jualan atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang diketahui bahawa makanan itu berkemungkinan akan dijual atau ditawarkan atau didedah untuk jualan, dan berkaitan hanya dengan jualan bagi pemakanan atau penggunaan manusia;

“penyediaan” termasuklah memasak, pemprosesan, pengolahan, serahan, pengangkutan, simpanan dan menghidang makanan dan “menyediakan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya; dan

“Yang Dipertua”, ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Terengganu dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Bekalan Air

3. Tiada seorang pun yang terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengenai trednya:

- (a) mana-mana air selain daripada air paip yang disambung kepada saluran utama daripada bekalan air awam; atau
- (b) mana-mana air dari paip atau lain punca di mana tandas persendirian atau awam atau kemudahan lain

Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk penyediaan dan penjualan makanan

4. (1) Tiap-tiap orang yang terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah pada setiap masa menyenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau penyediaan itu dalam keadaan yang bersih.

(2) Dia hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebu, lorong, atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, di belakangnya atau tepi-tepi tempat yang digunakan bagi penjualan atau penyediaan itu dalam keadaan bersih dan bebas daripada pengumpulan barang-barang berbahaya atau mengganggu, atau sampah, kotoran atau bahan lain atau benda yang dibuang olehnya.

Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk, dan sebagainya

5. Tiap-tiap orang yang terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah pada setiap masa menyimpan makanan itu dan semua bekas, perkakas, kenderaan, barang-barang, alat, alat-alat terd, kerusi meja, perabot, jentera dan peralatan lain yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih atau bebas dari kotoran dan habuk, bau busuk, bubuk, alat atau serangga lain.

Penjualan makanan yang kotor dilarang

6. (1) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa benda makanan yang kotor atau mengandungi apa-apa jirim asing kepada jenis makanan itu.

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang kotor.

Kebersihan pengendali makanan

7. (1) Tiap-tiap orang yang terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan makanan hendaklah menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih dan hendaklah memakai apron dan penutup kepala yang bersih sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbandaran semasa menjual dan menyediakan makanan itu.

(2) Tiap-tiap orang yang terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan makanan hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau penyediaan itu atau selepas menggunakan mana-mana tandas, bilik air, atau kemudahan lain yang sama dan sebelum memulakan penjualan atau penyediaan itu membasuh tangannya dengan sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seorang pun boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghisap atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau apa-apa persediaan lain atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa makanan.

(4) Tiada seorang pun yang mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau di jari boleh terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan makanan melainkan luka atau pecah kulit itu dibaluti rapi dengan balutan kalis air.

Orang yang dilarang mengendali makanan

8. Tiada seorang pun—

(a) yang menghidap penyakit yang merebak;

(b) yang membawa apa-apa penyakit berjangkit;

- (c) yang menghidap apa jua keadaan yang menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau penyakit kulit lain;
- (d) yang mempunyai sebab mempercayai atau mengesyaki bahawa dia berkemungkinan menyebarkan organisma yang menyebabkan penyakit;
- (e) yang ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit yang merebak; atau
- (f) yang tidak mempunyai sijil perubatan yang sah yang dikeluarkan oleh seseorang Pengamal Perubatan berdaftar.

Boleh terlibat dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa benda makanan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai apa-apa bahan yang digunakan atau mungkin digunakan pembalut atau bekas bagi makanan.

Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersih

9. Tiada seorang pun boleh menggunakan bagi maksud mengelap atau membersih atau mengilat apa-apa makanan bagi jualan apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain selain daripada penyapu habuk yang sesuai atau kain yang disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan disenggarakan pada setiap masa dalam keadaan bersih.

Tempat yang dilarang bagi penjualan atau penyediaan makanan

10. (1) Tiada seorang pun boleh menjual atau menyediakan bagi penjualan apa-apa benda makanan dalam mana-mana kandang, tempat kencing atau bilik air atau mana-mana tempat yang pada bila-bila masa digunakan untuk tidur atau yang bersambung terus dengan bilik tidur atau mana-mana kandang, tempat kencing atau bilik air atau di mana tempat di mana apa-apa binatang atau burung dibiarkan berada.

(2) Tiada seorang pun boleh menjual atau menyediakan bagi penjualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan atau apa-apa kerja sedang dijalankan yang benda makanan itu boleh tercemar atau kesegaran atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang pun boleh meletak, menyimpan, membawa, menyebar atau mengguna atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disebar atau diguna di mana-mana tempat yang digunakan untuk penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa makanan, apa-apa racun, atau apa-apa jirim yang merbahaya atau mengganggu atau apa-apa lain bahan yang mungkin mencemar kesegaran makanan itu tetapi tiada apa-apa di dalamnya ini boleh menahan penggunaan yang betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau perosak lain.

Bekas simpanan yang dilarang

11. (1) Tiada seorang pun boleh memasukkan, membawa atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung, atau bekas yang serupa yang mana pada bila-bila masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengisi apa-apa racun atau bahan yang merbahaya atau apa-apa bahan yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.

(2) Tiada apa-apa meja peti, bakul atau bekas lain yang kotor bersih boleh digunakan untuk mengisi atau menyedia apa-apa benda makanan bagi jualan.

Pencemaran makanan

12. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan hingga tersentuh dengan apa-apa makanan bagi penjualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi penjualan apa-apa plastik, logam atau objek lain, benda atau barang lain untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika penjualan makanan kecuali objek, benda atau barang itu diliputi sepenuhnya dalam suatu balutan yang dibuat daripada bahan yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi bahan-bahan yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan menyerap ke dalam makanan dan tiada seorang pun boleh meletakkan apa-apa benda atau barang dalam apa-apa makanan mengikut cara bagaimana ia dicampurkan atau disatukan dengan makanan itu.

(2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa di makan dalam keadaan ia dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ia diterima oleh seorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan cara lain yang berkesan.

(3) Tiada seorang pun boleh membawa untuk penjualan apa-apa benda makanan yang biasa di makan dalam keadaan ia dijual, kecuali ia di bungkus atau di letak di dalam bekas atau bungkusan lain yang sengaja di bentuk bagi menghindar benda makanan itu daripada tercemar.

(4) Tiada seorang pun boleh membawa, meletak atau mendeposit atau membenarkan supaya dibawa, diletak atau didepositkan dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa di makan dalam keadaan yang sama ia dijual, mana-mana kotoran, benda yang berbau busuk atau bahan lain yang tercemar keadaan baik atau kebersihan benda makanan yang di bawa di dalamnya.

(5) Tiada seorang pun boleh mengguna, berkaitan dengan penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa benda makanan yang biasa di makan dalam keadaannya ia dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya mengikut apa jua cara yang makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan atau cetakan itu.

(6) Tiada seorang pun boleh menjual apa-apa makanan yang biasa di makan dalam keadaan ia dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai kecuali ia dijaga atau dibungkus supaya terhindar daripada kemungkinan tercemar.

Penyediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah

13. Tiada seorang pun boleh menjual atau menyediakan bagi penjualan apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau kawasan lapang yang tingginya kurang daripada 0.5 meter di atas permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu.

Pekakas

14. (1) Tiada seorang pun boleh mengguna untuk menghidang makanan bagi penjualan apa-apa perkakas makan atau minum yang tidak dibersihkan selepas pemakaian yang terakhir yang mana perkakas itu telah digunakan, sama ada perkakas itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu menggunakan perkakas itu.

(2) Tiada seorang pun boleh mengguna atau terdapat dalam milikannya untuk kegunaan bagi penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa makanan, apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau bekas simpanan lain yang sumbing, pecah atau retak.

Pengendalian makanan

15. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyediakan untuk penjualan apa-apa makanan yang biasa di makan dalam keadaan ia dijual tidak boleh semasa penjualan atau penyediaan itu:

- (a) mengendali atau membenarkan dipegang apa-apa makanan dengan jari-jarinya, tetapi hendaklah menggunakan penyenduk atau perkakas lain yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu: (Dengan syarat bahawa orang yang tertentu boleh dikecualikan atas kelulusan bertulis oleh Yang Dipertua;-)
- (b) menggunakan jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa melakukan pembungkusan atau penghidangan itu;
- (c) menggunakan nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;
- (d) menyapu tangannya ke atas pakaiannya atau dengan apa-apa cara selain; dengan tuala atau kain yang bersih;
- (e) meletak, sehingga menyentuh makanan bagi penjualan apa-apa bahan, alat atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau
- (f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan.

(2) Penyenduk, sepit atau perkakas lain yang sesuai bagi mengendali apa-apa makanan yang biasa di makan dalam keadaannya ia dijual hendaklah dibersihkan selalu dan setiap masa bebas dari pencemaran.

(3) Tiada seorang pun yang bekerja menjual atau menyedia bagi penjualan apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan itu.

(4) Tiada seorang pun yang bekerja menjual atau menyedia bagi penjualan apa-apa makanan yang biasa di makan dalam keadaan ia dijual boleh membawa apa-apa alat atau perkakas yang digunakan untuk atau berkaitan dengan penjualan atau penyediaan itu dengan cara yang boleh menjejaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu daripada pencemaran.

Pengangkutan makanan

16. (1) Tiada seorang pun boleh mengguna mana-mana kenderaan, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi tujuan membawa atau menghantar apa-apa makanan untuk jualan.

(2) Tiada seorang pun boleh mengguna apa-apa kereta, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau benda atau bahan lain yang keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan bagi penjualan yang dibawa atau diisi atau biasa dibawa atau diisi dalam kenderaan, pengangkutan atau bekas itu akan atau mungkin terjejas.

Pemeriksaan perubatan

17. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan 8(f), mana-mana orang yang bekerja menjual atau menyedia bagi penjualan apa-apa benda makanan boleh pada bila-bila masa dikehendaki oleh yang dipertua.

(a) Menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja; dan

(b) Mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit.

(2) Pemeriksaan dan suntikan itu hendaklah dijalankan oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan yang dilantik samada secara am atau khusus oleh Yang Dipertua.

(3) Jika mana-mana orang setelah diperiksa didapati oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan menghidap penyakit berjangkit atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau adalah pada pendapat Pegawai Perubatan atau Kesihatan, kemungkinan merupakan punca jangkitan, Yang Dipertua hendaklah serta merta menghilangkan kelayakan orang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi penjualan atau penyediaan untuk jualan apa-apa makanan, sehingga disahkan oleh Pegawai Perubatan atau Kesihatan bahawa dia telah sembuh atau kemungkinan tidak lagi menjadi punca jangkitan.

(4) Mana-mana orang—

- (a) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan apabila diminta melakukan; atau
- (b) yang mana, setelah diperiksa dan hilang kelayakan, meneruskan tugas di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk penjualan apa-apa benda makanan, adalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk penjualan apa-apa benda makanan, yang mana, setelah diberitahu secara bertulis oleh Yang Dipertua bahawa seseorang yang bertugas di tempat yang dinamakan bagi penjualan atau penyediaan makanan bagi penjualan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa, hilang kelayakan daripada bertugas, membenarkan orang itu meneruskan tugas di dalamnya atau membenarkan orang itu berada dalam kawasan itu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Penalti

18. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu dalam mesyuaratnya pada 30 Oktober 2006
[MDHTR. 00/01/2007/0010]

SAMIUM BIN SALLEH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Terengganu

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 23 April 2008
[SUK. TR. 1200/365 Sk. F;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 13]

A. RAHIM BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

FOOD HANDLERS (HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL)
BY LAWS 2007

IN exercise of the powers conferred by section 73 of The Local Government Act 1976 [Act 171], The Hulu Terengganu District Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the by-laws:

Citation, commencement and application

1. (1) These by-laws may be cited as the **Food Handlers (Hulu Terengganu District Council) 2007**.

(2) There By-Laws come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

(3) There By-Laws shall apply only to the are of the Hulu Terengganu District Council.

Interpretation

2. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“food” includes every article which is used for food a drink by man or which enters into or is used in the composition or preparation of any such article and also includes colouring and flavouring matters and condiments, but does not includes:

- (a) articles or substances used only as drugs;
- (b) live animals or birds; or
- (c) fodder or feeding stuffs for animals, birds or fish.

“sale” or “sell” includes barter and exchanges, and also includes offering or attempting to sell or causing or allowing to be sold, or exposing for sale, or receiving or sending or delivering for sale, or supplying any food where consideration is to be received by the supplier for such supply either specifically or as part of a service contracted for, or having in possession for sale, or having in possession and food knowing that the same is likely to be sold or offered or exposed for sale and refers only to sale for human consumption or use;

“preparation” includes cooking, processing, treatment, packing, delivery, carriage, storage and serving of food and “prepare” shall be construed accordingly;

“President” means the President of the Hulu Terengganu District Council and includes Deputy President.

Water supply

3. No person who is engaged in the sale or preparation for sale of food shall use for any purpose pertaining to his trade:

- (a) any water other than water from a tap connected to the water main from the public water supply; or
- (b) any water from a tap or other source within a private or public lavatory or convenience.

Cleanliness of place used for the preparation and sale of food

4. (1) Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of any food shall at all times maintain the place used for such sale or preparation in a state of cleanliness.

(2) He shall also keep any avenue, passage or space immediately in front of, behind or by sides of place used for such sale or preparation in a state of cleanliness and free of any accumulation of noxious or offensive matter, or garbage, refuse or other matter or thing discarded by him.

Food to be kept away from dust etc

5. Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of any food shall keep at all times such food and all receptacles, implements, vehicles, articles, utensils, tools of trade, benches, fittings, machinery and other appliances used for or in connection with such food clean and free from dirt and dust, foul odours, vermin and flies or other insects.

Selling of unclean food prohibited

6. (1) No person shall sell any article of food which is not clean or which contains any matter foreign to the nature of such food.

(2) No person shall sell or pack for sale any article of food in a package which is not clean.

Cleanliness of food handlers

7. (1) Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of any food shall, maintain his clothing and his body in a state of cleanliness and shall wear a clean, apron and head gear as specified by the president while selling and preparing the food.

(2) Every person who is engaged in the sale or preparation for sale of any food shall, upon every occasion before commencing such sale or preparation, or after visiting any urinal, water closet or other similar convenience and before resuming such sale or preparation wash his hands thoroughly with soap and clean water.

(3) No person shall spit, expel mucus from the nose, smoke or use tobacco or snuff or any other preparation or chew tobacco or betel nuts while engage in the sale or preparation for sale of any food.

(4) No person having cuts or skin abrasions of the hand or fingers shall engage in the sale or preparation for sale of food unless such cuts or skin abrasions are properly dressed with waterproof dressings.

Person prohibited handling food

8. No person—

- (a) who is a suffering from communicable disease;
- (b) who is a carrier of any infectious disease;
- (c) who is suffering from any condition causing a discharge of pus or serum from any part of the body or other skin ailment;
- (d) who is reason to believe or suspect that he is likely to transmit disease producing organisms;
- (e) who is contact with any person suffering from a communicable disease;
or
- (f) who is not in possession of a valid medical certificate issued by a registered Medical Practitioner,

shall engage in the sale or preparation for sale of any article of food or of any article used or likely to be used as a food or of any material used or likely to be used as wrapper or container for food.

Proper used of cloth of cleaning purpose

9. No person shall used for the purpose of wiping or cleaning or polishing any food for sale or any packing or utensils used in connection therewith any rag or cloth other than a proper duster or cloth kept solely for the purpose and which is maintained at all times in a clean condition.

Place prohibited for preparation and sale of food

10. (1) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any stable, urinal or water closet or in any place where is at any time used for sleeping, or which is in direct communication with a sleeping compartment or with any stable, urinal privy or water closet or in any place where any animal or bird is allowed to be.

(2) No person shall sell or prepare for sale any article of food in any place in which any thing, animal or bird is kept, or any work is carried on whereby such article of food is liable to be contaminated or its wholesomeness or cleanliness adversely affected.

(3) No person shall place, keep, carry, spread or use or cause to be placed, kept, carried, spread, or used in any place used for the sale or preparation for sale of any food, any poison or any noxious or offensive matter or any other material which might contaminate the wholesomeness of the food but nothing herein shall prevent the proper use of spraying mixtures containing poisons for the purpose of controlling the attack of insect or other pests.

Prohibited containers

11. (1) No person shall enclose, carry or store any article of food for sale in any bag, sack or similar receptacle which has at any time contained, or has been used for the conveyance of any poison or harmful material or any material or any material which may render such food unsound or unfit for human consumption.

(2) No unclean table, case, basket, or other receptacle shall be used for containing or preparing any article of food sale.

Contamination of food

12. (1) No person shall place in contact of any food for sale or in any package containing food for sale any plastic, metallic or food other object, or other article or thing to be sold or given to the purchaser on the sale of food unless such object, article or thing is completely enclose in the wrapper made of material which will not contaminate the food and which contains no ingredients which might be absorbed by, or is likely to pass into the food and no person shall place any such article or thing in any food in such manner as to mixed in or enclosed by the food.

(2) Every person who sells and food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall protect such food until it is delivered to a purchaser, by storing in covered receptacles or by other effectual means.

(3) No person shall carry for any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, unless it is so wrapped or contained in a receptacle or other packing so constructed as to prevent such article of food from being contaminated.

(4) No person shall carry, place or deposit or allow to be carried, placed or deposited in any vehicle used for the carriage of any article or food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any dirt, offensive matter or other material which might contaminate the wholesomeness or cleanliness of article of food carried therein.

(5) No person shall use, in connection with the sale or preparation for the sale of, any article of food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, any paper with writing or printed matter thereon in any manner whereby such food can come in contact with such writing or printed matter.

(6) No person shall sell any article of food which is ordinarily consumed in the state in which is sold, which has been dropped, placed or stored on any counter, bar or floor unless it is protected or is so wrapped as to protect such article of food from likely contaminated.

Preparation and sale of food above ground level

13. No person shall sell or prepare for sale any food in any premises, street or other open space at a level lower than 0.5 meters above the ground level of such premises, street or open space.

Utensil

14. (1) No person shall use for the serving of food for sale any eating or drinking utensil which has not been cleansed after the last occasion such utensil was used, whether or not such utensil is given to the same person who had previously used the utensil.

(2) No person shall use or having in his possession for use for the sale or preparation for sale of any food, any drinking vessel, plate, saucer or other container which is chipped, broken or cracked.

Handling of food

15. (1) Every person who sells or prepares for sale any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall not during such sale or preparation—

- (a) handle or permit to be handled any such food with his fingers, but shall use scoop, tongs or other suitable implement for every such purpose;
- (b) provided that certain person or class of person may be exempted upon written approval by the President;
- (c) apply the fingers to his mouth, eye, ear, nose, or scalp during the performances of such packing or serving;
- (d) use his breath to open any bag or wrapper;
- (e) wipe his hands upon his clothing or by any means other than with a clean towel or cloth;
- (f) place, so that it can come into contact with food for sale, any substance, implement or article which is unclean or liable to contaminate such food, or which has been in contact with the mouth; or
- (g) cough or sneeze near any food.

(2) the scoop, tongs or other suitable implement used for the handling of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold shall be regularly cleaned and free from contamination at all times.

(3) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food shall apply to the mouth any appliance used for or in connection with such sale or preparation.

(4) No person engaged in the sale or preparation for sale of any food which is ordinarily consumed in the state in which it is sold, shall carry any appliance or utensil used for or in connection with such sale or preparation in such a manner as to endanger the wholesomeness, cleanliness or freedom from contamination of such food.

Carriage of food

16. (1) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle which is not clean for carriage or delivery of any food for sale.

(2) No person shall use any vehicle, conveyance or receptacle for the carriage or containing of any animal, bird or other material or substance whereby the wholesomeness, cleanliness or freedom from contamination of any food for sale carried or contained or usually carried or contained in such vehicle, conveyance or receptacle would or might be endangered.

Medical Examination

17. (1) Not with standing paragraph 8(f) any person engaged in the sale or preparation for sale of any article of food may at any time be required by the President—

(a) to undergo a medical examination as to his or her fitness to be so engaged; and

(b) to be inoculated against any infectious disease.

(2) Such examination and inoculation shall be carried out by a qualified medical or health officer appointed either generally or specially by the President.

(3) If any person so examined is found by the medical officer to be suffering from a contagious or infectious disease or any disease of the skin which is offensive or is, in the opinion of the medical or health officer, likely to be a source of infection, the President shall forthwith disqualify the person examined from working or engaging in any place used for the sale or preparation for sale of any food, until such time as it is certified by the medical or health officer that he has been cured or is no longer likely to be a source of infection.

(4) Any person—

(a) who refuses to undergo a medical examination on being requested to do so; or

(b) who having been medically examined and is disqualified.

continues to work in any place used for sale or preparation for sale of any article of food, commits an offence under this By-Law.

(5) The owner, licensee, occupier or keeper of any place used for the sale or preparation for sale of any article of food, who, having been notified in writing by the President that a person working in such place used for the sale or preparation for sale of food has refused to undergo medical examination or having been examined, has been disqualified from working, permits such person to continue to work therein or to remain within the area there of commits offence under this By-Laws.

Penalty

18. Any person who contravenes any of the provision of these By-Laws shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or both and in the case of a continuing offence to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day during which such offence is continued after conviction.

Made by the Hulu Terengganu District Council in the meeting on the 30 October 2006

[MDHTR. 00/01/2007/0010]

SAMIUM BIN SALLEH

President

District Council Hulu Terengganu

Confirmed by the State Authority in the meeting on 23 April 2008

[SUK. TR. 1200/365 Sk. F;

PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 13]

A. RAHIM BIN JUSOH

*Secretary of the State Executive
Council of Terengganu*

Tr. P.U. 11.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN

(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN (KENDERAAN BERAT)

(MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN) 2008

BAHAWASANYA melalui Pemberitahuan *Warta Kerajaan* No. 205 yang disiarkan pada 13 Mac 2008, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333].

DAN BAHAWASANYA terdapat bantahan yang diterima oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman terhadap cadangan pembuatan perintah itu:

DAN BAHAWASANYA satu penerangan telah dibuat bagi tujuan memberi kefahaman terhadap salah faham yang timbul yang akhirnya bantahan telah dapat diselesaikan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta itu, Majlis Perbandaran Kemaman, setelah berunding dengan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Kenderaan Berat) Majlis Perbandaran Kemaman 2008** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan di dalam *Warta*.

(2) Perintah ini hendaklah terpakai bagi kesemua kawasan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kemaman sahaja sepertimana yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua termasuk mana-mana kawasan tambahan yang boleh diwartakan dari masa ke semasa.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Pengangkutan Jalan 1987;

“kenderaan” mempunyai makna sepertimana diperuntukkan di dalam Akta;

“kenderaan-kenderaan berat” ertinya kenderaan-kenderaan sepertimana yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama Perintah ini;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Kemaman;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Kenderaan berat dilarang

3. (1) Pemanduan atau penggunaan kenderaan-kenderaan berat di atas jalan atau mana-mana bahagian jalan dalam kawasan Majlis seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua adalah dilarang kecuali bagi tujuan—

(a) memunggah dan/atau menaikkan barang;

(b) melaksanakan kerja-kerja pembinaan.

(2) Bagi maksud perenggan 3(1)(a) dan (b) di atas, pemilik premis di mana barang-barang perniagaan hendak dipunggah dan/atau dinaikkan atau di mana kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Yang Dipertua dengan menyatakan—

- (a) tarikh;
- (b) masa;
- (c) lokasi;
- (d) nama syarikat/pemunya berdaftar kenderaan berat.

Andaian

4. Dalam perintah ini, kenderaan-kenderaan berat yang diletakkan di atas jalan atau mana-mana bahagian jalan yang dilarang adalah dianggap telah dipandu atau digunakan di atas jalan-jalan tersebut.

Pengecualian

5. Perintah ini hendaklah tidak terpakai bagi kenderaan kepunyaan Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan atau Badan Berkanun.

Kuasa mengkompaun

6. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa mengikut seksyen 120 Akta oleh Menteri, boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukkan Perintah ini dengan mengutip daripada mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan tersebut wang berjumlah tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Liabiliti pemunya berdaftar

7. Dalam hal pelanggaran terhadap atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukkan Perintah ini, pemunya berdaftar kenderaan adalah dianggap sebagai telah melanggar atau gagal mematuhi peruntukkan atau peruntukkan-peruntukkan itu jika pemandu atau orang (yang bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau gagal mematuhi peruntukkan atau peruntukkan-peruntukkan itu tidak boleh dikenal pasti atau tidak boleh dikesan.

Penalti

8. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang melanggar mana-mana peruntukkan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah subseksyen 70(4) Akta dan sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

JADUAL PERTAMA

1. Lori balak
2. Lori pengangkutan bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu pasir, tanah dan bahan binaan yang lain
3. Lori pembancuh simen dan jentera berat (kren, low loader dan jentera berat yang lain)
4. Lori kontena/kargo
5. Kenderaan tangki minyak/air/kimia/gas cecair/gas mampat
6. Treler
7. Jentera pembajak (traktor)
8. Jengkaut pengalih tanah
9. Jentera menuai padi
10. Jentolak (bulldozer)
11. Sebarang kenderaan yang berat muatan maksima (yang dibenarkan) melebihi 5 tan)

JADUAL KEDUA

1. Jalan Sulaimani
2. Jalan Jakar
3. Jalan Che Teng
4. Jalan Abdul Rahman

Diperbuat oleh Majlis Perbandaran Kemaman dalam mesyuaratnya pada
28 Mei 2008
[MPK. UUU/1979/1/17]

MUSTOFA BIN ABD. RAHMAN
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kemaman

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Ogos 2008
[SUK. TR. 572/448 Bhg. 2;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Bhg. 15]

A. RAHIM BIN JUSOH
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu

ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (HEAVY VEHICLES)
(KEMAMAN MUNICIPAL COUNCIL) ORDER 2008.

WHEREAS by Government *Gazette* No. 205 published on 13 March 2008, notice was given of the intention to make an order under subsections 70(1) and (2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333].

AND WHEREAS objections were received by the President of the Kemaman Municipal Council against the making of such order:

AND WHEREAS an explanation has been made for the purpose of clarifying the misunderstanding whereby the objection has been solved.

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsections 70(1) and (2) of the Act, the Kemaman Municipal Council, after consultation with the Director General of Road Transport and after taking into consideration the matters referred to in subsection (2) of section 70 of the Road Transport Act 1987, makes the following order:

Citation, commencement and application

1. (1) This order may be cited as **Road Transport (Prohibition of Use of Road) (Heavy Vehicles) (Kemaman Municipal Council) Order 2008** and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

(2) This order shall apply to all area in Kemaman Municipal Council only as specified in the Second Schedule including any addition area which may be gazetted from time to time.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“Act” means the Road Transport Act 1987;

“Council” means the Kemaman Municipal Council;

“heavy vehicles” means vehicles as specified in the First Schedule of this Order;

“President” means the President of the Council and includes the Deputy President;

Heavy vehicles prohibited

3. (1) The driving or using heavy vehicles on the road or any part of the road within the Council area as specified in the Second Schedule is prohibited unless for the purposes—

- (a) to unload and/or load goods;
- (b) carry out construction works.

(2) For the purpose of paragraphs 3(1)(a) and (b) above, the owner of the premises where goods shall be unloaded and/or loaded or where the construction works will be carried out shall apply in writing to the President by stating—

- (a) date;
- (b) time;
- (c) location;
- (d) company's name/registered owner of the heavy vehicle.

Presumption

4. In this Order, the heavy vehicles that was parked or stationed on the prohibited road or any part thereof is deemed to have driven or used thereon.

Exemption

5. This Order shall not apply to vehicle belonging to the Federal or State Government or of any Local Authority or Statutory Body.

Power to compound

6. Any officer who is authorized under section 120 of the Act by the Minister, may compound an offence done under the provision of this Order by collecting from any person suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding three hundred ringgit.

Registered owner's liability

7. In case of contravention of or failure to comply with any provisions of this Order, the registered owner of the heavy vehicle shall be presumed to have contravened or failed to comply with such provision or provisions if the driver or person (not being the registered owner) who actually contravened or failed to comply with such provision or provisions is not known or cannot be found.

Penalty

8. Any person without lawful excuse contravenes any provisions of this order shall be guilty of an offence punishable under subsection 70(4) of the Act and shall on conviction be liable to a fine not exceeding one thousand ringgit or imprisonment for a period not exceeding three months or both.

FIRST SCHEDULE

1. Timber lorry
2. Vehicle to carry construction material such as cement, iron, steel, stone, sand, earth and other construction material
3. Lorry mixer and heavy machine (crane, low loader and other heavy machine)
4. Container/cargo lorry
5. Oil/water/chemical/liquid gas/solid gas tanker vehicles
6. Trailer
7. Tractor
8. Earth moving excavator
9. Harvester
10. Bulldozer
11. Any vehicles with the maximum laden weight (approved) exceed 5 tons

SECOND SCHEDULE

1. Jalan Sulaimani
2. Jalan Jakar
3. Jalan Che Teng
4. Jalan Abdul Rahman

Made by Kemaman Municipal Council in its meeting on 28 May 2008
[MPK. UUU/1979/1/17]

MUSTOFA BIN ABD. RAHMAN
*President of the
Kemaman Municipal Council*

Confirm by State Authority in its meeting on 20 August 2008
[SUK. TR. 572/448 Bhg. 2;
PUN. Tr. 70 Sj. 3 Jld. 15]

A. RAHIM BIN JUSOH
*Secretary of the State Executive
Council of Terengganu*

Hak Cipta Pencetak ©
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
Semua Hak Terpelihara. Tiada nama-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau distarakan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAI KERAJAAN MALAYSIA